

MAHATHIR - PELEMBAGAAN

(I)

1983

KUALA LUMPUR, 12 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU AKAN MENEMUI RAJA MUDA PERAK ESOK UNTUK MENIMBANGKAN CADANGAN-CADANGAN BARU DARIPADA PIHAK RAJA-RAJA BAGI MENYELESAIKAN KEBUNTUAN MENGENAI PINDAAN PERLEMBAGAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MEMPEROLEHI BAYANGAN TENTANG KANDUNGAN CADANGAN-CADANGAN BARU ITU.

BELIAU OPTIMIS YANG PERTEMUAN ESOK AKAN MENGHASILKAN SATU KEPUTUSAN YANG BOLEH DIPERSETUJUI OLEH KEDUA-DUA BELAH PIHAK - RAJA-RAJA DAN KERAJAAN.

+SAYA MULA MELIHAT SINAR CAHAYA DI Hujung JALAN YANG SEDANG KAMI LALUI INI... MALAH SAYA SENTIASA OPTIMIS DAN SEHARUSNYA SAYA BERSIKAP DEMIKIAN,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN SIMPOSIUM ANTARABANGSA MENGENAI TEKNOLOGI, KEBUDAYAAN DAN PEMBANGUNAN DI UNIVERSITI MALAYA DI SINI.

RAJA-RAJA DALAM MESYUARAT DI ISTANA NEGARA SEMALAM TELAH MENGHASILKAN CADANGAN-CADANGAN BARU SETELAH MEMBINCANG DENGAN PANJANG LEBAR CADANGAN PERDANA MENTERI YANG TERKANDUNG DALAM SURATNYA KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG JUMAAT LALU. -- LAGI 1335/SA

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 2 KUALA LUMPUR ' . .

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA CADANGAN BALAS OLEH PIHAK RAJA-RAJA ITU YANG AKAN DISAMPAIKAN KEPADA BELIAU ESOK, TIDAK BERERTI YANG RAJA-RAJA TELAH MENOLAK CADANGAN KERAJAAN.

BELIAU BERKATA APA YANG DISARANKAN OLEH RAJA-RAJA IALAH BEBERAPA PENGUBAH-BUKTIAN KEPADA CADANGAN KERAJAAN ITU DAN INI MERUPAKAN SATU PERKARA BIASA DALAM SESUATU RUNDINGAN.

BAGAIMANAPUN DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MASIH BELUM MENERIMA SECARA RASMI CADANGAN-CADANGAN DARIPADA PIHAK RAJA-RAJA ITU +DAN SAYA SEDANG MENUNGGUNYA.+

+WALAU APAPUN CORAK CADANGAN ITU, SAYA AKAN MENGAJAI DAN MENINBANGKANNYA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN YANG MERUPAKAN WAKIL TIDAK RASMI KERAJAAN DALAM MESYUARAT SEMALAM, TELAH MEMBERIKAN BAYANGAN TENTANG CADANGAN-CADANGAN ITU.

BAGAIMANAPUN BELIAU TIDAK DAPAT MENYATAKANNYA KERANA IA MASIH DIRUNDINGKAN. -- LAGI 1355/SA

ZCZC 8533

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 3 KUALA LUMPUR ' . .

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASA DAN TEMPAT BAGI PERTEMUAN ESOK BELUM DITETAPKAN TETAPI BELIAU BERKATA IA AKAN JUGA DIHADIRI OLEH PENASIHAT UNDANG-UNDANG BAGI RAJA-RAJA, RAJA AZIZ ADDRUSE DAN +MUNGKIN BEBERAPA ORANG LAIN LAGI.+

MENGENAI SURATNYA KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG BELIAU MENERANGKAN BAHAWA IA ADALAH CADANGAN BALAS DARI PIHAK KERAJAAN DAN +YANG KAMI FIKIR AMAT WAJAR DAN SEHARUSNYA MEMUASKAN HATI KEDUA-DUA PIHAK.+

+APAKAH CADANGAN-CADANGAN ITU YANG SEBENARNYA, TIDAKLAH DAPAT SAYA KATAKAN TETAPI SAYA HARAP IA AKAN MEMUASKAN HATI RAJA-RAJA,+ KATANYA.

SURAT KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG PADA 9 DISEMBER DIFAHAMKAN MENGANDUNGI PINDAAN KEPADA FORMULA UMNO YANG DITOLAK OLEH RAJA-RAJA DALAM PERJUMPAAN DENGAN DELEGASI UMNO DI ISTANA BUKIT KAYANGAN, SHAH ALAM PADA 20 NOVEMBER.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA ENGGAN MENGULAS MENGENAI PINDAAN TERSEBUT DENGAN MENGATAKAN +SAYA TIDAK DAPAT MENGESAHKN APA-APA

PUN KERANA PERKARA INI SEDANG DIRUNDINGKAN.+ -- LAGI 1405/SA

ZCZC 8534

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 4 KUALA LUMPUR ' . .

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA BELIAU MULA MENYATAKAN PENDIRIANNYA SECARA TEGAS MELALUI AKHBAR-AKHBAR, MAKA TIDAK ADA LAGI RUANG UNTUK BERTOLAK ANSUR.

DITANYA SAMA ADA KERAJAAN TELAH MENARIK BALIK SEBAHAGIAN DARIPADA FORMULA ASAL MENGENAI PINDAAN ITU, BELIAU BERKATA, +KITA TENGOKLAH APABILA KEPUTUSAN MUKTAMAD DIKETAHUI, SAMA ADA PENARIKAN BALIK DIBUAT ATAU TIDAK.+ -- BERNAMA 1409/SA